



## **KENYATAAN MEDIA**

### **UNTUK SIARAN SEGERA**

#### **SYABAS DAN TERIMA KASIH PEMINJAM PTPTN**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) **ketika ini sedang melaksanakan penangguhan bayaran balik pinjaman** kepada para peminjam sebagai **langkah prihatin semasa negara dilanda pandemik Covid-19**. Penangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN kepada peminjam-peminjam PTPTN ini pada peringkat permulaan dilaksanakan untuk tempoh enam (6) bulan bermula Mac sehingga September 2020 yang lalu selaras dengan pengumuman YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri pada 23 Mac 2020. Namun begitu, atas dasar keprihatinan, Kerajaan telah bersetuju agar tempoh penangguhan bayaran balik pinjaman ini dilanjutkan untuk tempoh tiga (3) bulan lagi sehingga Disember 2020 sebagaimana pengumuman oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi pada 4 Ogos 2020 yang lalu.
2. Penangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN ini **telah memberi manfaat kepada 1.5 juta peminjam** dengan jumlah keseluruhan anggaran penangguhan bayaran balik pinjaman adalah sebanyak **RM1.13 bilion** bermula Mac hingga Disember 2020.
3. Berdasarkan rekod, **terdapat peminjam PTPTN yang terus komited untuk membuat bayaran balik pinjaman mereka dalam tempoh penangguhan dan usaha murni ini sewajarnya diberikan pujian**. Sehingga **Oktober 2020**, seramai **422,609 peminjam** atau **28.17%** daripada 1.5 juta keseluruhan peminjam yang patut membuat bayaran balik **telah memilih untuk meneruskan bayaran balik pinjaman mereka**. Jumlah kutipan bayaran balik yang diterima adalah sebanyak **RM595.25 juta**. Kutipan bayaran balik yang diterima pada bulan **Oktober 2020** adalah sebanyak **RM103.03 juta** dan ia menunjukkan **peningkatan 173.65%** berbanding kutipan pada bulan **April 2020** sebanyak **RM37.65 juta**.
4. Ini menunjukkan bahawa **peminjam PTPTN masih terus berusaha membuat bayaran balik pinjaman mereka walau pun berada dalam keadaan yang sukar akibat pandemik Covid-19**. Tindakan sebegini seharusnya **menjadi ikutan kepada peminjam lain yang berkemampuan dan tidak terjejas disebabkan pandemik Covid-19 ini**.

5. Untuk itu, **PTPTN mengucapkan syabas dan jutaan terima kasih** serta merakamkan penghargaan kepada semua peminjam PTPTN yang telah meneruskan tanggungjawab menunaikan bayaran balik pinjaman mereka dalam tempoh berkenaan. Ini menggambarkan kesungguhan dan sokongan padu daripada para peminjam untuk bersama berganding membantu bagi memastikan kelestarian PTPTN.

6. PTPTN juga berharap agar **kerjasama dan sokongan padu daripada semua peminjam yang berkemampuan dapat diteruskan untuk membuat bayaran balik** bagi memastikan **PTPTN dapat meneruskan pinjaman pembiayaan pendidikan kepada generasi akan datang dan seterusnya tiada pelajar yang gagal memasuki Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kerana masalah kewangan.** PTPTN juga akan sentiasa berusaha bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah yang terbaik untuk para peminjam khususnya.

**Ahmad Dasuki Abdul Majid**  
**Ketua Eksekutif**  
**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**  
**20 November 2020**